



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 25 Mei 2026



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



KPDN rangka Pelan Pembangunan Harta Intelekt Sabah 2026-2030

KOTA KINABALU: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menerusi Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MyIPO) sedang membangunkan mekanisme perlindungan harta intelek komprehensif di negeri ini melalui Pelan Pembangunan Harta Intelekt Sabah 2026-2030.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali dalam kenyataan kelmarin berkata inisiatif itu adalah antara agenda kerajaan untuk memperkasakan ekonomi berteraskan inovasi dan harta intelek (IP).

"Pengukuhan ini dibuat melalui perlindungan IP, pembangunan penilaian IP, pembiayaan berasaskan IP serta peluasan pasaran produk tempatan menerusi penjenamaan strategik Sabah," katanya.

Armizan berkata pelan berkenaan akan memberikan fokus kepada pembangunan ekosistem harta intelek yang lebih bersepadu, termasuk mengenal pasti Petunjuk Geografi (GI) baharu bagi produk bernilai tinggi seperti produk pertanian tanah tinggi, rumpai



SIDANG MEDIA Armizan berkata penganjuran Program Jelajah Harta Intelekt adalah inisiatif baharu sebagai satu pendekatan proaktif untuk mengenal pasti dan memperkasakan potensi produk tempatan. - Foto FB Armizan Mohd Ali

laut dan kraf tangan tempatan.

Usaha ini, katanya, penting bagi memastikan kekayaan biodiversiti, warisan budaya serta kearifan lokal Sabah dapat diterjemahkan kepada sumber ekonomi yang memberikan manfaat secara terus kepada rakyat.

Dalam perkembangan berkaitan, Armizan mendedahkan bahawa

setakat April 2026, Malaysia telah merekodkan sebanyak 130 GI berdaftar, dengan 31 daripadanya berasal dari Sabah.

Pencapaian tersebut sekali gus meletakkan negeri itu sebagai antara penyumbang utama kepada portfolio GI negara, menerusi produk terkenal seperti Sabah Tea, Kopi Tenom, Minyak Kelapa Dara

Borneo, Rumpai Laut Sabah, Koko Tawau, Halia Tambunan dan Batik Sabah.

Mengulas tentang penganjuran Program Jelajah Harta Intelekt, beliau menyifatkan inisiatif baharu itu sebagai satu pendekatan proaktif untuk mengenal pasti dan memperkasakan potensi produk tempatan.

Beliau berkata pemilihan harta intelek dalam pelbagai bentuk seperti perlindungan GI, cap dagangan, paten dan hak cipta mampu meningkatkan daya saing produk tempatan untuk bersaing pada peringkat domestik serta antarabangsa.

Program jelajah yang berlangsung hari ini memfokuskan kepada syarikat pengeluar teh tempatan di Ranau, Sabah Tea, yang juga merupakan antara contoh terawal kejayaan pemanfaatan instrumen harta intelek di Sabah menerusi pengiktirafan GI.

"GI turut mewujudkan kesan pengganda ekonomi atau multiplier effect kepada komuniti setempat melalui aktiviti pelancongan dan rantai nilai ekonomi seperti inap desa, restoran, pengangkutan dan kraf tangan di kawasan sekitar pengeluaran produk," katanya.

KPDN melalui MyIPO akan terus memperkukuh agenda pembangunan harta intelek sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi akar umbi, di samping mengangkat potensi produk berteraskan warisan dan keunikan setempat. -Bernama.



ARMIZAN (kedua dari kanan) melihat produk Sabah Tea sambil diberikan taklimat oleh pegawai Sabah Tea manakala Ketua Pengarah MyIPO Yusnieza Syarmila Yusoff (kedua dari kiri) dan yang lain memerhati.

Sabah intai perkukuh IP untuk produk tempatan

Iskandar Dzulkifli

RANAU: Sabah menjadi antara penyumbang utama kepada portfolio Petunjuk Geografi (GI) negara iaitu 31 daripada 130 GI setakat April tahun ini sebagaimana rekod Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MyIPO).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Datuk Armizan Mohd Ali berkata GI menjadi antara instrumen harta intelek (IP) paling strategik dalam membangunkan ekonomi berasaskan identiti, reputasi dan keunikan produk tempatan, sekali gus berperanan sebagai mekanisme ekonomi yang meletakkan barang tempatan sebagai produk premium bernilai tinggi.

Menurutnya, antara produk GI yang berjaya membina identiti pasaran tersendiri termasuk Sabah Tea, Tenom Coffee, Borneo Virgin Coconut Oil, Sabah Seaweed, Tawau Cocoa, Tambunan Ginger dan Batik Sabah.

Katanya, sejajar dengan potensi pembangunan aset harta intelek berasaskan identiti tempatan Sabah, KPDN menerusi MyIPO sedang membangunkan mekanisme perlindungan harta intelek yang lengkap dan tersusun termasuk mewujudkan Pelan Pembangunan Harta Intelekt Sabah 2026-2030.

"Usaha ini merupakan antara agenda memperkasa ekonomi berasaskan inovasi dan harta intelek melalui pengukuhan perlindungan IP, pembangunan penilaian IP,

pembiayaan berasaskan IP serta peluasan pasaran produk tempatan melalui penjenamaan strategik Sabah.

"Pada masa sama, pelan ini akan memberi fokus untuk membangunkan ekosistem harta intelek yang lebih bersepadu termasuk mengenal pasti GI baharu bagi produk bernilai tinggi termasuk produk pertanian tanah tinggi, rumpai laut dan kraftangan komuniti tempatan.

"Langkah ini juga bagi memastikan kekayaan biodiversiti, warisan budaya dan kearifan lokal Sabah dapat diterjemahkan kepada sumber ekonomi yang memberi manfaat terus kepada rakyat," katanya dalam kenyataan sempena Jelajah Harta Intelekt, di sini, pada Ahad.

Mengulas lanjut, Armizan berkata KPDN melalui MyIPO akan terus memperkukuh agenda pembangunan harta intelek sebagai antara pemangkin utama pertumbuhan ekonomi akar umbi khususnya dalam mengangkat potensi produk tempatan yang berteraskan identiti, warisan dan keunikan setempat.

Sehubungan itu, katanya, menerusi pendekatan tersusun dan strategik, usaha itu diharap dapat membuka peluang lebih luas kepada komuniti, usahawan tempatan dan pemain industri untuk menjadikan harta intelek sebagai aset menjana nilai ekonomi mampan sekaligus memberi manfaat kepada rakyat.

Mengenai jelajah itu, katanya, pelak-

sanaan inisiatif berkenaan sebagai pendekatan mengenal pasti dan memperkasa lagi potensi produk tempatan yang boleh dilindungi serta dikomersialkan secara lebih strategik sebagai aset harta intelek.

Menurutnya, pemilihan harta intelek dalam pelbagai bentuk seperti perlindungan GI, cap dagangan, paten dan hak cipta dilihat berupaya meningkatkan daya saing produk tempatan dalam pasaran domestik dan antarabangsa.

"Program Jelajah Harta Intelekt kali ini melibatkan Sabah Tea, produk keluaran syarikat tempatan Desa Tea Sdn Bhd dalam industri perladangan teh yang terletak di Ranau dan telah mengusahakan ladang teh itu yang mula beroperasi sejak 1973 manakala pengeluaran dan penghasilan teh bermula sejak 1978 dengan keluasan 6,200 ekar yang dikelilingi hutan hujan tropika berusia lebih 130 juta tahun.

"Sabah Tea bukan sekadar terlibat dalam penghasilan teh tetapi turut membangunkan ekosistem perniagaan yang merangkumi sektor hospitaliti, pelancongan berasaskan pengalaman serta produk hiliran yang memanfaatkan identiti dan reputasi asal usul geografinya.

"Syarikat ini juga telah memperoleh perlindungan GI dan antara contoh terawal kejayaan pemanfaatan instrumen harta intelek di Sabah bagi melindungi identiti produk berasaskan asal usul geografi di Malaysia," katanya.



KPDN tambah baik mekanisme pelaksanaan SKDS - Armizan

KUNDASANG: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan melaksanakan beberapa penambahbaikan terhadap mekanisme Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) bagi memperkukuhkan kawalan subsidi diesel serta mengekang ketirisan dan penyalahgunaan subsidi bahan api.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, antara penambahbaikan utama yang diputuskan Jemaah Menteri pada 20 Mei lalu ialah peluasan kelayakan kenderaan jenis jip dan pikap di bawah SKDS bagi sektor pengangkutan darat barangan ke seluruh negara, berbanding hanya di Cameron Highlands sebelum ini.

Menurut beliau, syarikat dalam sektor pengangkutan darat barangan yang memiliki kenderaan jip dan pikap boleh membuat pendaftaran SKDS bermula 1 Jun depan.

Beliau berkata demikian pada sidang media di sini, Sabtu. Turut hadir Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN, Datuk Azman Adam dan Pengarah KPDN Sabah, Shahril Nizam Shahidan.

Armizan berkata, kerajaan turut memperluaskan manfaat subsidi diesel kepada kenderaan jip dan pikap yang sebelum ini didaftarkan atas nama individu bagi tujuan pengangkutan darat barangan.

"Bagaimanapun, kelulusan tertakluk kepada pertukaran pendaftaran kenderaan atas nama syarikat serta pematuhan syarat yang ditetapkan termasuk pendaftaran syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) atau pihak berkuasa berkaitan di Sabah dan Sarawak," katanya.

Dalam pada itu, kerajaan

turut melaksanakan pelarasan had kuota tetap SKDS bagi sektor pengangkutan darat barangan untuk memperkukuhkan mekanisme kawal selia dan penguatkuasaan terhadap penggunaan fleet card.

Katanya, setiap fleet card akan diberikan kuota tetap antara 900 liter hingga 5,000 liter sebulan bergantung kepada 23 kategori kenderaan pengangkutan darat barangan yang ditetapkan.

"Pelarasan kadar kuota tetap bagi setiap fleet card ini akan berkuat kuasa mulai 1 Jun 2026," katanya.

Menurut beliau, syarikat yang memerlukan penggunaan diesel melebihi had ditetapkan boleh mengemukakan rayuan kepada Jawatankuasa Kelulusan Subsidi Petroleum (JKSP) yang diurus setiakan oleh KPDN.

Rayuan boleh dibuat secara dalam talian menerusi e-mel mysubsidi@kpdn.gov.my atau di kaunter KPDN berhampiran dengan pertimbangan berdasarkan justifikasi operasi dan rekod penggunaan bulanan dalam sistem SKDS.

Armizan turut menggalakkan syarikat sektor pengangkutan darat awam, pengangkutan darat barangan dan pengangkutan awam air yang masih belum menikmati subsidi petrol dan diesel supaya segera membuat pendaftaran SKPS dan SKDS menerusi portal My-Subsidi.

Pada masa sama, beliau mengingatkan semua syarikat berdaftar supaya bertanggungjawab terhadap penggunaan fleet card yang diperoleh daripada syarikat minyak.

Katanya, sebarang penyalahgunaan akan menyebabkan fleet card digantung serta merata selain syarikat terbabit disenarai hitam. **-Oleh John Tambanan.**

Sabah eyes stronger IP push for local products

Hayati Dzulkifli

RANAU: Sabah has emerged as one of the main contributors to Malaysia's Geographical Indication (GI) portfolio, with 31 of 130 registered GI products originating from the State, as of April.

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali said the achievement reflects Sabah's strong potential in developing high-value products rooted in local identity, heritage and geographical uniqueness.

He said among Sabah's GI products that have established their own market identity are Sabah Tea, Tenom Coffee, Borneo Virgin Coconut Oil, Sabah Seaweed, Tawau Cocoa, Tambunan Ginger and Sabah Batik.

"Geographical Indication has become one of the most strategic intellectual property instruments in developing an economy based on the identity, reputation and uniqueness of local products.

"It also serves as an economic mechanism that positions local products as premium, high-value goods in both domestic and international markets," he said when officiating the Intellectual Property (IP) roadshow programme together with MyIPO (Intellectual Property Corporation of Malaysia) at Sabah Tea, here, Sunday.

He said this new initiative via the programme serves as an approach to identify and empower the potential of local products that can be protected and commercialised more strategically as intellectual property assets.

"Ownership of intellectual property in various forms, such as Geographical Indication (GI) protection, trademarks, patents and copyrights, is capable of enhancing the competitiveness of local products in both domestic and interna-



Armizan (second right) looking at Sabah Tea products while being briefed while MyIPO Director-General Yusnieza Syarmila binti Yusoff (second left) and others look on.

tional markets.

"Today's Intellectual Property Roadshow involves Sabah Tea, a product produced by a local company, has obtained Geographical Indication (GI) protection and is among the earliest examples of the successful utilisation of intellectual property instruments in Sabah to protect the identity of products based on geographical origin in Malaysia.

"Sabah Tea, which started its tea production and processing in 1978 on 6,200 acres surrounded by tropical rainforest aged more than 130 million years old, is not only involved in tea production, but has also developed a business ecosystem encompassing the hospitality sector, experiential tourism and downstream products that leverage the identity and reputation of its geographical origin," he said.

He added that the Ministry, through the MyIPO, is committed to strengthening intellectual property protection and expanding opportunities for local communities and entrepreneurs to commercialise their products more strategically.

See Page 3, Col. 4

Intellectual property protection mechanism

From Page One

In line with the potential for developing intellectual property assets based on Sabah's local identity, Armizan said KPDN through MyIPO is developing a comprehensive and structured intellectual property protection mechanism, including the establishment of the Sabah Intellectual Property Development Plan 2026-2030.

"This effort is part of the agenda to strengthen an innovation- and intellectual property-based economy through enhanced IP protection, development of IP valuation, IP-based financing and the

expansion of market access for local products through Sabah's strategic branding.

"At the same time, the plan will focus on developing a more integrated intellectual property ecosystem, including identifying new GIs for high-value products such as highland agricultural produce, seaweed and handicrafts by local communities.

"This step is also aimed at ensuring that Sabah's biodiversity wealth, cultural heritage and local wisdom can be translated into economic resources that directly benefit the people," he said.



KPDN drafts Sabah Intellectual Property Development Plan 2026-2030 - Armizan

KOTA KINABALU: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN), through the Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO), is developing a comprehensive intellectual property protection mechanism in the state through the Sabah Intellectual Property Development Plan 2026-2030.

Its Minister Datuk Armizan Mohd Ali said the initiative is part of the government's agenda to strengthen an economy driven by innovation and intellectual property (IP).

"This strengthening effort is being carried out through IP protection, the development of IP valuation, IP-based financing, as well as expanding the market for local products through Sabah's strategic branding," he said in a statement yesterday.

According to Armizan, the plan will focus on developing a more integrated intellectual property ecosystem, including identifying new Geographical Indications (GIs) for high-value products such as highland agricultural produce, seaweed, and local handicrafts.

He explained that the effort is important to ensure Sabah's rich biodiversity, cultural heritage, and local



"This strengthening effort is being carried out through IP protection, the development of IP valuation, IP-based financing, as well as expanding the market for local products through Sabah's strategic branding" - Armizan

wisdom can be translated into economic resources that directly benefit the people.

In a related development, Armizan said that as of April 2026, Malaysia had recorded 130 registered GIs, with 31 of them originating from Sabah.

The achievement places Sabah among the main contributors to the coun-

try's GI portfolio through renowned products such as Sabah Tea, Tenom Coffee, Borneo Virgin Coconut Oil, Sabah Seaweed, Tawau Cocoa, Tambunan Ginger and Sabah Batik.

Commenting on the organisation of the Intellectual Property Roadshow programme, he described the new initiative as a proactive approach to identifying and

empowering the potential of local products.

He said intellectual property ownership in various forms, such as GI protection, trademarks, patents and copyrights, could enhance the competitiveness of local products in both domestic and international markets.

The roadshow held yesterday focused on local

tea producer Sabah Tea in Ranau, which is among the earliest examples of the successful use of intellectual property instruments in Sabah through GI recognition.

"GI also creates a multiplier effect for local communities through tourism activities and economic value chains such as homestays, restaurants, transportation

and handicrafts in areas surrounding product production," he said.

The KPDN, through MyIPO, will continue strengthening the intellectual property development agenda as a catalyst for grassroots economic growth, while elevating the potential of products based on local heritage and uniqueness, he added. — Bernama

Bachok: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan merampas lebih 1.2 tan minyak masak bersubsidi selepas menahan seorang lelaki di Jalan Hulu Masjid Pauh Lima, Kampung Pauh 5 di sini, petang kelmarin.

Penahanan suspek berusia 43 tahun pada jam 3.20 petang itu dilakukan selepas pihak KPDN bersama Pasukan Polis Marin Wilayah Tiga Pengkalan Kubor dan Unit Kereta Peronda (MPV) IPD Pasir Puteh menerusi Op Tiris Bersepadu mengekori kenderaan dinaiki suspek sejauh 30 kilometer (km).

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Negeri KPDN, Aswadi Jaafar berkata, hasil pemeriksaan menemukan 1.2 tan minyak masak bersubsidi pelbagai jenama disya-

Lelaki ditahan bersama lebih 1.2 tan minyak masak subsidi



KPDN Kelantan menahan seorang lelaki dan merampas lebih 1.2 tan minyak masak bersubsidi di Jalan Hulu Masjid Pauh Lima, Kampung Pauh 5, Bachok.

ki untuk tujuan penyelewengan.

"Ketika tangkapan dilakukan, kita mengekori sebuah Proton Exora hampir 30 kilometer bermula dari kawasan Tok Bali sebelum menahan kenderaan jam 3.20 petang di Bachok.

"Hasil soal siasat, suspek berusia 43 tahun mengakui tinggal berhampiran sempadan dan menjalankan aktiviti itu serta mendakwa ini kali pertama ditahan pihak berkuasa.

"Nilai rampasan minyak termasuk kenderaan dianggarkan bernilai lebih RM13,000 dan kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya menerusi kenyataan di sini.

Rampas minyak masak

Suspek diberkas selepas kenderaan diekori sejauh 30km dari Tok Bali ke Bachok

Oleh HAZELN LIANA
KAMARUDIN

BACHOK – Perjalanan sebuah Proton Exora yang sarat membawa hampir 1.2 tan minyak masak bersubsidi berakhir apabila dipintas pihak berkuasa selepas diekori sejauh kira-kira 30 kilometer (km) dalam Ops Tiris 4.0 di Kampung Pauh Lima di sini pada Sabtu.

Timbalan Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan, Aswadi Jaafar berkata, suspek lelaki berusia 43 tahun itu ditahan kira-kira jam 3.20 petang selepas pasukan operasi mengekori kenderaan tersebut dari kawasan Tok Bali.

Katanya, operasi melibatkan Unit

Risikan dan Tindakan Khas (URTK) KPDN Kelantan bersama Pasukan Polis Marin, Unit Kereta Peronda (MPV) Ibu Pejabat Polis Daerah Pasir Puteh serta KPDN Cawangan Pasir Mas.

"Pasukan melakukan gerakan risikan dan pemantauan sebelum mengesan sebuah kenderaan mencurigakan di Tok Bali.

"Kenderaan itu kemudian diekori hampir 30 kilometer sebelum ditahan di Jalan Hulu Masjid Pauh Lima, Kampung Pauh Lima," katanya ketika dihubungi pada Ahad.

Menurutnya, hasil pemeriksaan menemukan 1,292 kilogram (kg) minyak masak bersubsidi pelbagai jenama yang dipercayai untuk tujuan penyelewengan.

Katanya, nilai keseluruhan rampasan termasuk kenderaan dianggarkan RM13,230.

Aswadi berkata, suspek yang tinggal berhampiran kawasan sempadan itu turut mendakwa baru pertama kali ditahan pihak berkuasa kerana menjalan-



Hasil pemeriksaan ke atas kenderaan itu menemukan 1,292kg minyak masak bersubsidi pelbagai jenama.

kan kegiatan berkenaan.

"Kes disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana memiliki barang kawalan dengan niat melakukan kesalahan," katanya.

FORUM

Kami mengalu-alukan surat-pendapat, tetapi hanya yang bertandatangan dan mengandungi nama penuh, alamat dan nombor telefon (jika ada) pengirim sahaja yang akan diilangkan. Sebaik-baiknya ditulis dan akan disunting agar lebih ringkas dan jelas. Bagaimanapun, kami menolak surat-surat yang telah dihantar untuk elaran di tempat lain. Oleh kerana banyaknya jumlah yang diterima, kami tidak boleh memulangkan surat yang tidak disiarkan. Nama samaran dibenarkan. Pandangan yang diberi juga tidak semestinya mencerminkan pendapat Harian Ekspres. Alamatkan surat anda kepada: Forum Harian Ekspres, Peti Surat 10138, 88801 Kota Kinabalu (Faks: 088-432555) Email: Forum@dailyexpress.com.my

Apa guna Tribunal Pengguna jika award diabaikan

PENGUNA di Malaysia sering digalakkan mendapatkan pembelaan melalui Tribunal Tuntutan Pengguna (TTP).

Di atas kertas sistem ini kelihatan berfungsi. Tuntutan didengar, keputusan dikeluarkan dan award diberikan namun apa berlaku apabila award tersebut diabaikan?

Dalam kes saya pertikaian melibatkan perkhidmatan pelancongan telah menghasilkan award tribunal yang memihak kepada saya pada 14 Julai tahun lalu. Responden diarahkan mematuhi keputusan itu dalam tempoh ditetapkan tetapi gagal berbuat demikian.

Apa yang menyusul ialah satu lagi tempoh menunggu, membuat aduan lanjut dan bergantung kepada penguatkuasaan yang tidak segera serta tidak menentu di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999.

Pengalaman itu amat mengecewakan dan menimbulkan rasa frustrasi. Kegagalan mematuhi award tribunal menimbulkan persoalan serius mengenai keberkesanan TTP. Selepas tempoh pematuhan tamat, tindakan tidak berlaku secara automatik. Pengguna perlu memulakan langkah tambahan sebelum siasatan dijalankan.

Setiap kelewatan meningkatkan kemungkinan syarikat terhabit menjadi tidak responsif, sukar dikesan atau terus beroperasi tanpa sebarang akibat.

Ini bukan isu terpencil. Terdapat kes syarikat gagal mematuhi award tribunal sehingga membawa kepada pendakwaan. Kajian juga menunjukkan wujud kelemahan dalam penguatkuasaan dan penyelarasan kawal selia, khususnya melibatkan perkhidmatan berkaitan pelancongan. Jika keputusan tribunal tidak diterjemahkan kepada hasil yang cepat, keyakinan terhadap TTP pasti akan terhakis.

Beberapa penambahbaikan praktikal boleh memperkukuh sistem penguatkuasaan.

Pertama, award tribunal perlu boleh dikuatkuasakan secara terus tanpa memerlukan tindakan tambahan daripada pengguna.

Kedua, penguatkuasaan perlu diletakkan secara automatik sebaik sahaja tempoh pematuan tamat.

Ketiga, pihak berkuasa penguatkuasaan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup perlu diberi kuasa mengambil tindakan pentadbiran segera terhadap perniagaan yang gagal mematuhi award.

Keempat, satu daftar awam syarikat yang gagal mematuhi award tribunal perlu diwujudkan bagi meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti.

Kelima, penyelarasan lebih kukuh antara badan kawal selia diperlukan bagi mengelakkan salah laku berulang melalui syarikat baharu atau penjenamaan semula entiti.

Pada masa ini tindakan penguatkuasaan dan proses pendaftaran syarikat beroperasi secara berasingan. Sebuah syarikat yang gagal mematuhi award tribunal masih boleh terus beroperasi atau pengarahnya menubuhkan entiti baharu dengan sekatan minimum.

Jurang ini menyebabkan akauntabiliti hanya tertumpu kepada nama syarikat, bukan individu yang bertanggungjawab membuat keputusan.

Bagi menangani perkara ini, keputusan penguatkuasaan di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 perlu disepadukan secara rasmi dengan sistem Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan badan kawal selia sektor berkaitan.

Pengarah syarikat yang gagal mematuhi award tribunal perlu ditandakan dalam rangka kerja pendaftaran dan pelesenan. Tanda amaran ini boleh mencetuskan semakan tambahan, kelulusan bersyarat atau sekatan sementara daripada menubuhkan atau mengurus entiti baharu sehingga kewajipan tertunggak diselesaikan.

Pihak berkuasa pelesenan perkhidmatan berkaitan pelancongan seperti Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya juga perlu dimaklumkan mengenai kes ketidakpatuhan terhadap award TTP sekali gus membolehkan lesen operasi digantung atau ditarik balik jika perlu. Ini memastikan penguatkuasaan bukan sekadar tindakan undang-undang selepas kejadian tetapi turut mempengaruhi keupayaan syarikat untuk terus beroperasi.

Satu daftar berpusat merentas agensi bagi entiti dan pengarah yang gagal mematuhi award juga boleh memperkukuh pemantauan. Ini membolehkan tindakan penguatkuasaan meneliti corak tingkah laku merentas pelbagai entiti, dan bukan "direset" setiap kali syarikat baharu didaftarkan.

Tanpa penyelarasan sedemikian sistem sedia ada berisiko membenarkan kitaran ketidakpatuhan berterusan, dengan akibat segera yang minimum dan pemiagaan boleh kembali beroperasi menggunakan identiti baharu. Keadaan ini bukan sahaja melemahkan penguatkuasaan, malah meletakkan pengguna lain dalam situasi sama.

Tambahan pula akauntabiliti tidak seharusnya berakhir apabila syarikat ditutup. Ia perlu meliputi individu yang membuat keputusan di sebaliknya.

Tujuan tribunal bukan sekadar mengeluarkan keputusan tetapi memastikan hasilnya dapat dilaksanakan. Apabila pengguna melalui keseluruhan proses, mengemukakan kes dan memperoleh keputusan yang memihak kepada mereka, adalah wajar mereka mendapat penyelesaian, bukannya terus dibelenggu ketidakpastian.

Salina Abdullah
Pensyarah kanan
UiTM Cawangan Melaka



阿米占：沙有 31 项地理标志产品 拟推知识产权蓝图强化本土产品

(本报 24 日讯) 国内贸易及生活成本部正通过大马知识产权局 (MyIPO) 制定 2026 至 2030 年沙巴知识产权发展蓝图，以在沙巴建立更全面的知识产权保护与发展体系。

内贸部长拿督阿米占表示，这是政府经济转型议程的重要一环，以推动以创新与知识产权为基础的经济增长。

他说，蓝图重点包括加强知识产权保护机制、提升知识产权估值、推动基于知识产权的融资，以及通过策略性品牌推广扩大沙巴本地产品的国内外市场竞争力。

“相关规划也将进一步完善知识产权生态系统，重点发掘沙巴高原农产品、海藻及手工艺品等高质量产品，并推动更多地理标志 (GI) 认证，以提升产品附加值。”

他强调，这项工作非常重要，旨在确保沙巴丰富的生



拿督阿米占在兰瑞巡视获得地理标志 (GI) 认证的沙巴茶园 (Sabah Tea)。

物多样性、文化遗产及地方智慧能够转化为直接造福人民的经济资源。

阿米占是在兰瑞巡视本地茶叶生产公司沙巴茶园 (Sabah Tea) 过后，发表文告这么表示。

他透露，截至今年 4 月，全国共注册 130 项地理标志产品，其中 31 项来自沙巴，使沙巴成为全国重要的地理标志贡献州属之一。

他说，沙巴具代表性的地理标志产品包括沙巴茶、丹南咖啡、婆罗洲初榨椰子油、沙巴海藻、斗湖可可、担布南生姜及沙巴蜡染等，这些产品已成为地方品牌走向全国与国际市场的重要基础。

他强调，知识产权不仅有助于保护产品名称与来源，更能带动旅游与周边经济发展，例如民宿、餐饮、交通及手工艺等产业，形成更广泛的经济乘数效应。

本次知识产权巡回活动聚焦位于兰瑞的 Desa Tea 私人有限公司所经营



拿督阿米占了解沙巴茶制作出来的各种产品。

的沙巴茶园，该茶园自 1973 年开发，1978 年开始生产茶叶，园区占地约 6200 英亩，并被逾 1.3 亿年历史的热带雨林环绕。

沙巴茶不仅是茶叶生产企业，也发展出涵盖酒店、体验式旅游及下游产品的综合商业模式，并成功获得地理标志 (GI) 认证，成为沙巴善用知识产权工具保护地方品牌与地理来源价值的典型案例。

阿米占表示，该部门将继续通过大马知识产权局推动知识产权发展，使其成为基层经济增长的重要催化剂，并进一步释放沙巴独特文化遗产与自然资源的经济潜力。(070)



沙巴茶园区占地约 6200 英亩，被逾 1.3 亿年历史的热带雨林环绕。



內貿部：推廣本土產品 制定沙知識產權藍圖

阿來占（左五）與沙巴茶園採摘工人合影。（內貿部提供）

（亞庇24日訊）國內貿易及生活費部正通過大馬知识产权局（MyIPO）制定2026至2030年沙巴知識產權發展藍圖，以在沙巴建立全面知識產權保護機制。

內貿部長拿督阿來占在文告指出，這項舉措是政府推動以創新及知識產權為基礎經濟的議程之一。

“這項強化措施涵蓋知識產權保護、提升知識產權估值、基於知識產權的融資，以及通過沙巴策略品牌推廣擴大本地產品市場。”

他說，該藍圖將重點打造更完整的知識產權生態系統，包括為高原農產品、海藻及本地手工藝品等高價值產品鑒定新的地理標志（GI）。

130地理標志產品 31來自沙

他說，這項工作至關重要，旨在確保沙巴豐富的生物多樣性、文化遺產及地方智慧能夠轉化為直接造福人民的经济資源。

阿來占提到，截至2026年4月，大馬已註冊130項地理標志產

品，其中31項來自沙巴。

他說，這使沙巴成為國家地理標志產品的主要貢獻州屬，其知名產品包括沙巴茶、丹南咖啡、婆羅洲初榨椰子油、沙巴海藻、斗湖可可、担布南生薑及沙巴蠟染。

針對知識產權巡回活動，他說，這項新舉措旨在積極主動地發掘和提升本地產品的潛力，而地理標志、商標、專利及版權等各種形式的知識產權，能夠提升本地產品在國內及國際市場的競爭力。

今日巡回活動專注在蘭瓏的本地茶葉生產公司沙巴茶（Sabah Tea），它也是沙巴最早成功運用知識產權工具如地理標志認證的案例之一。

“地理標志也能通過旅遊及產業鏈帶來經濟乘數效應，包括民宿、餐飲、交通及手工藝等周邊產業發展。”

內貿部將繼續通過MyIPO加強知識產權發展議程，將其作為基層經濟增長的催化劑，並進一步提升當地文化遺產及獨特的產品潛力。



阿米占（左五）与茶园采摘工人合影。（图：内贸部）



阿米占（左）参观茶园，听取茶园负责人讲解沙巴茶生产流程。（图：内贸部）

全國130產品佔31項

沙地理標誌重要貢獻者

（兰瑞24日讯）截至2026年4月，全国共注册130项地理标志（Geographical Indication, GI）产品，其中31项来自沙巴，凸显沙巴已成为全国GI产品的重要贡献者。

国内贸易及生活消费部长拿督阿米占指出，沙巴近年来在发展具地方特色及国际市场潜力的地理标志产品方面表现突出，包括沙巴茶、丹南咖啡、婆罗洲初榨椰子油、沙巴海藻、斗湖可可、担布南姜及沙巴蜡染等，均成功建立鲜明市场定位与品牌形象。

他强调，地理标志不仅是保护产品原产地身份的重要知识产权工

具，更是提升本地产品附加价值、强化市场竞争力及推动地方经济发展的关键机制。

系统化提升本地产品优势

阿米占说，国内贸易及生活消费部旗下马来西亚知识产权机构（MyIPO）正式推介“知识产权之旅”（Jelajah Harta Intelek）计划，以更系统化方式发掘及强化本地产品潜力，并协助相关产品通过知识产权保护实现更高价值的商业化发展。

“知识产权涵盖地理标志、商标、专利及版权等多种形式，可有效提升本地产品在国内外市场的竞争优势。”

阿米占今日在兰瑞出席“知识产权之旅”活动后，向媒体这么表示。

此次活动聚焦于“沙巴茶”（Sabah Tea）。该品牌由Desa Tea私人有限公司经营，自1973年开始开发茶园，并于1978年正式投入茶叶生产。

该茶园占地约6200英亩，坐落于拥有超过1亿3000万年历史热带雨林环绕的地区，具备独特自然生态与地理环境优势。

除了茶叶生产，该公司也积极打造涵盖酒店业、体验式旅游及下游产品开发的完整商业生态系统，充分善用其地理来源与品牌信誉，进一步提升整体市场价值。

沙巴茶 最早成功案例

阿米占表示，沙巴茶早已获得地理标志认证，也是沙巴最早成功运用知识产权工具保护地方特色产品的代表案例之一。

他说，地理标志如今已成为推动地方经济发展的重要知识产权工具，不仅有助强化产品独特性、信誉与市场辨识度，也能进一步将本地产品定位为高价值、高端品牌。

“除了提升产品溢价能力，地理标志制度也能为地方社区带来经济乘数效应，进一步带动民宿、旅游、餐饮、交通及手工艺等周边产业发展，让地方人民共享经济成果。”

புரோட்டோன் எக்ஸோரா காருக்குள் 1.2 டன் சமையல் எண்ணெய் பதுக்கல்

ஓட்டுநர் கைது



பாச்சோக், மே 25-
கிளாந்தான் மாநில உள்நாட்டு
வர்த்தக வாழ்க்கைச் செலவினத்துறை
அதிகாரிகள் 1.2 டன் எடை கொண்ட
உதவித் தொகைக்குரிய சமையல்
எண்ணெய்யைப் பறிமுதல் செய்தனர்.
ஜாலான் உலு மஸ்ஜிட் பவ்லீமா,
கம்போங் பாவ் 5, பாச்சோக்
எனுமிடத்தில் நேற்று முன்தினம்
மேற்கொள்ளப்பட்ட இந்த
நடவடிக்கையில் ஒரு நபரும் கைது
செய்யப்பட்டார்.

சுமார் 43 வயதுடைய நபர்

செலுத்திய
வாகனத்தை
அதிகாரிகள் 30
கிலோ மீட்டர்
தூரம்
பின்தொடர்ந்து
சென்றுள்ளனர்.
காரை மடக்கி
சோதனை
செய்தபோது
அதற்குள் உதவித்
தொகைக்குரிய
சமையல்
எண்ணெய்
பாக்கெட்டுகள்
இருந்து
கண்டுபிடிக்கப்
பட்டதாக
கிளாந்தான்
உள்நாட்டு
வர்த்தக
வாழ்க்கைச்
செலவினத்துறை
தலைமை
அமலாக்க
அதிகாரி அஸ்வாடி
ஜஃபார் கூறினார்.

புரோட்டோன் எக்ஸோரா வாகனத்திற்குள்
இந்தச் சமையல் எண்ணெய் இருந்தது.

அதிகாரிகள் தோக் பாலி எனுமிடத்தில்
இருந்து சுமார் 30 கிலோ மீட்டர் வரை அந்தக்
காரைப் பின் தொடர்ந்து சென்று பாச்சோக்கில்
அதைத் தடுத்து நிறுத்தினர்.

கைது செய்யப்பட்ட நபர் எல்லைப் பகுதி
அருகே குடியிருந்தார். பறிமுதல் செய்யப்பட்ட
சமையல் எண்ணெய் மதிப்பு கிட்டத்தட்ட 13
ஆயிரம் ரிங்கிட் ஆகும்.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 25 MEI 2026

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
25-May	43000 Liter Diesel Bersubsidi Dirampas Dalam Serbuan di Bukit Mertajam	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/43000-liter-diesel-bersubsidi-dirampas-dalam-serbuan-di-bukit-mertajam/	RTM
25-May	KPDN Sita 43,000 Liter Diesel Subsidi Diseleweng di Bukit Mertajam	https://utusanv.com/2026/05/22/kpdn-sita-43000-liter-diesel-subsidi-diseleweng-di-bukit-	UTUSAN
25-May	KPDN, PDRM Bongkar Penyelewengan 43,000 Liter Diesel Bersubsidi di Bukit Mertajam	https://malaysiagazette.com/2026/05/22/kpdn-pdrm-bongkar-penyelewengan-43000-liter-diesel-bersubsidi-di-bukit-	MALAYSIA GAZETTE
25-May	Aidiladha: Melaka Anjur Jualan Rahmah MADANI di 96 Lokasi	https://www.melakahariini.my/aidiladha-melaka-anjur-jualan-rahmah-madani-di-	MELAKA HARI INI
25-May	Ops Tiris 4.0: KPDN Labuan Rampas 2,870 Liter Minyak Diesel	https://sabahmedia.com/2026/05/22/ops-tiris-4-0-kpdn-labuan-rampas-2870-liter-minyak-	SABAH MEDIA
25-May	Labuan KPDN Seizes 2,870 Litres of Subsidised Diesel in Ops Tiris 4.0	https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2560235	BERNAMA
25-May	Stor Diesel Haram Terbongkar Dalam Ops Tiris	https://sabahnewstoday.net/stor-diesel-haram-terbongkar-dalam-ops-tiris/	SABAH NEWS
25-May	2,425 Liter Petrol Cuba Diseludup ke Negara Jiran Dirampas	https://www.sayangsabah.com.my/2026/05/2425-liter-petrol-cuba-diseludup-ke.html	SAYANG SABAH

25-May	Ops Tiris 4.0: KPDN Semporna Rampas 2,425 Liter Petrol Disyaki Untuk Penyeludupan	https://sabahmedia.com/2026/05/22/ops-tiris-4-0-kpdn-semporna-rampas-2425-liter-petrol-disyaki-untuk-penyeludupan/	SABAH MEDIA
25-May	Cross-Border Petrol Smuggling Bid Foiled in Semporna	https://www.thestar.com.my/news/nation/2026/05/22/cross-border-petrol-smuggling-bid-foiled-in-semporna	THE STAR
25-May	KPDN Rangka Pelan Pembangunan Harta Intelektual Sabah 2026–2030	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-rangka-pelan-pembangunan-harta-intelektual-sabah-2026-2030/	RTM
25-May	KPDN Rangka Pelan Pembangunan Harta Intelektual Sabah 2026–2030	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-rangka-pelan-pembangunan-harta-intelektual-sabah-20262030	ASTRO AWANI
25-May	KPDN Rangka Pelan Pembangunan Harta Intelektual Sabah 2026–2030	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2026/05/1361737/kpdn-rangka-pelan-pembangunan-harta-intelektual-sabah-2026-2030	HARIAN METRO
25-May	KPDN Rangka Pelan Pembangunan Harta Intelektual Sabah 2026–2030	https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2560881	BERNAMA
25-May	KPDN Drafts Sabah Intellectual Property Development Plan 2026–2030	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2560884	BERNAMA
25-May	Sabah Penyumbang Utama Portfolio Petunjuk Geografi Negara	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/sabah-penyumbang-utama-portfolio-geografi-negara/	RTM
25-May	Ministry Launches Intellectual Property Drive to Turn Local Products into High-Value Global Brands	https://www.thevibes.com/articles/news/123295/ministry-launches-intellectual-property-drive-to-turn-local-products-into-high-value-global-brands	THE VIBES

25-May	From Seaweed to Sabah Tea, State Eyes Stronger IP Push for Local Products	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2026/05/24/from-seaweed-to-sabah-tea-state-eyes-stronger-ip-push-for-local-products/221191	MALAYMAIL
25-May	Jelajah Harta Intelek Perkasa Produk Tempatan Sabah Sebagai Aset Ekonomi	https://wartaoriental.com/2026/05/24/jelajah-harta-intelek-perkasa-produk-tempatan-sabah-	WARTA ORIENTAL
25-May	KPDN Perkasa Produk Tempatan Melalui Agenda Harta Intelek Nasional	https://malaysiabangkit.com/kpdn-perkasa-produk-tempatan-melalui-agenda-harta-	MALAYSIA BANGKIT
25-May	KPDN, MyIPO Bimbing Pengusaha Tempatan Fahami Pemilikan Harta Intelek	https://www.astroawani.com/video/awani-borneo-vnpinnih/kpdn-myipo-bimbing-pengusaha-tempatan-fahami-pemilikan-harta-	ASTRO AWANI
25-May	Expanded Diesel Subsidy Eligibility Expected to Ease Logistics Burden	https://www.nst.com.my/amp/news/nation/2026/05/1446570/expanded-diesel-subsidy-eligibility-expected-ease-	NST
25-May	FOMCA Calls for Stronger Monitoring Following SKDS Expansion	https://minutesmy.com/fomca-calls-for-stronger-monitoring-following-skds-expansion/	MINUTES MY
25-May	Ops Tiris 4.0: 160 Liter Petrol Dirampas, Lelaki Tanpa Dokumen Ditahan	https://sabahmedia.com/2026/05/24/ops-tiris-4-0-160-liter-petrol-dirampas-lelaki-tanpa-	SABAH MEDIA
25-May	KPDN Tambah Baik Mekanisme Pelaksanaan SKDS	https://www.asiatimes.com.my/2026/05/24/kpdn-tambah-baik-mekanisme-pelaksanaan-skds/	ASIA TIMES

25-May	Government Expands Diesel Subsidy Eligibility to Jeeps and Pickup Trucks Nationwide	https://malaysiantribune.com/government-expands-diesel-subsidy-eligibility-to-jeeps-and-pickup-trucks-nationwide/	MALAYSIAN TRIBUNE
25-May	Lorry Driver Detained for Allegedly Using Fake Permits to Acquire Subsidised Petrol	https://aseanobserver.com/lorry-driver-detained-for-allegedly-using-fake-permits-to-acquire-subsidised-petrol/	ASEAN OBSERVER
25-May	KPDN Tahan Lelaki Miliki Lebih 12 Tan Minyak Masak Bersubsidi	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2026/05/1562851/kpdn-tahan-lelaki-miliki-lebih-12-tan-minyak-masak-	BERITA HARIAN]
25-May	1.2 Tan Minyak Masak Bersubsidi Dirampas, Lelaki Ditahan Selepas Diekori 30 Kilometer	https://www.malay.news/1-2-tan-minyak-masak-bersubsidi-dirampas-lelaki-ditahan-selepas-diekori-30-km/	MALAY NEWS
25-May	1.2 Tan Minyak Masak Bersubsidi Dirampas, Lelaki Ditahan Selepas Diekori 30 Kilometer	https://www.hmetro.com.my/muta-khir/2026/05/1361756/12-tan-minyak-masak-bersubsidi-dirampas-lelaki-	HARIAN METRO
25-May	Lelaki Ditahan Miliki Lebih 12 Tan Minyak Masak Bersubsidi	https://www.orientaldaily.com.my/news/	ORIENTAL DAILY